

# REVISI 1

**Persidangan Umum Tahunan ke-181**

**Sesi Petang Sabtu, 2 April, 2011**

Dibimbing oleh Roh Kudus

Presiden Boyd K. Packer

Presiden Kuorum Dua Belas Rasul

Kini sudah empat ratus tahun semenjak penerbitan Alkitab Raja Yakobus, dengan sumbangan bermakna daripada William Tyndale, seorang wira besar dalam mata saya.

Para ulama tidak menghendaki Alkitab diterbitkan dalam Bahasa Inggeris umum. Mereka mengejar Tyndale ke tempat merata-rata. Dia berkata kepada mereka, “Jikalau Tuhan memperpanjangkan hidupku, tidak lama lagi saya akan menyebabkan anak yang mengerjakan bajak memahami kitab suci lebih daripada kamu semua.”<sup>1</sup>

Tyndale dikhianati dan dikandang di dalam penjara yang gelap dan sejuk selama lebih dari setahun. Pakaiannya compang-camping. Dia mengemis kepada pemenjaranya supaya diberikan kepadanya kot dan topi, dan mengeluh “Memang membosankan duduk dalam kegelapan.”<sup>3</sup> Barang tersebut tak diberikan kepadanya. Lama-kelamaan, dia diambil dari penjara dan di hapadan keramaian, tercekik dan dibakar. Akan tetapi, pekerjaan dan kematian syahidnya bukan sia-sia saja.

Oleh sebab kanak-kanak Orang Suci Zaman Akhir dididik sejak kecil untuk memahami kitab suci, mereka sedikit sebanyak memenuhi nubuat yang dikatakan empat abad lalu oleh William Tyndale.

Kitab suci kita pada hari ini merangkumi Alkitab, Kitab Mormon: Satu Kesaksian Lagi Tentang Yesus Kristus, Mutiara yang Sangat Berharga, dan Ajaran dan Perjanjian.

Oleh sebab Kitab Mormon, kita seringkali dipanggil Gereja Mormon, gelaran yang kita tidak menyebalkan, tetapi ia tidak juga tepat.

Di dalam Kitab Mormon, Tuhan melewati bangsa Nefi kerana mereka berdoa kepada Bapa dalam namanya. Tuhan bertanya, “Apakah yang kamu kehendaki agar Aku akan berikan kepadamu?”

“Dan mereka berkata kepadanya: Tuhan, kami menghendaki agar Engkau akan memberi tahu kami dengan nama apa kami akan menamai gereja ini; kerana ada perbantahan di antara orang-orang mengenai masalah ini.

“Dan Tuhan berfirman...mengapa kiranya orang-orang mesti menggerutu dan berbantah kerana hal ini?

“Tidakkah mereka membaca tulisan suci, yang berkata kamu mesti mengambil ke atas dirimu nama Kristus...? Kerana dengan nama ini akanlah kamu dipanggil pada hari terakhir...

“Oleh kerana itu, apa pun yang akan kamu lakukan, kamu akan melakukannya dalam nama-Ku; oleh kerana itu kamu akan menamai gereja dengan nama-Ku; dan kamu akan meminta kepada Bapa dalam nama-Ku agar Dia akan memberkati gereja demi kepentingan-Ku.

“Dan bagaimana mungkin itu gereja-Ku kecuali dinamai dengan nama-Ku? Kerana jika sebuah gereja dinamai dengan nama Musa maka itu menjadi gereja Musa; atau jika dinamai dengan

nama seorang manusia maka itu menjadi gereja dari seorang manusia; tetapi jika dinamai dengan nama-Ku maka itu adalah gereja-Ku, jika demikian halnya bahawa mereka dibangun di atas Injil-Ku.”<sup>3</sup>

Taat pada wahyu, kita memanggil diri Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, bukannya Gereja Mormon. Ialah perkara yang kecil kalau yang lain menyebut Gereja kita Gereja Mormon atau menyebut kita Orang Mormon, tetapi ialah perkara yang berbeza sekali kalau kita berbuat demikian.

Presidensi Pertama telah berkata, “Pemakaian nama yang diwahyukan, iaitu Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, adalah semakin lama, semakin mustahak dalam tanggungjawab kita untuk mengisytiharkan nama Juruselamat di serata dunia. Oleh yang demikian, kita meminta agar kalau menyebut Gereja kita memakai nama sepenuhnya jikalau mungkin sama sekali...Jikalau menyebut anggota Gereja, kami mencadangkan istilah ‘anggota Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.’ Sebagai istilah singkat, ‘Orang Suci Zaman Akhir’ paling disukai.”<sup>4</sup>

“[Orang Suci Zaman Akhir] berbicara tentang Kristus, kita bersukacita di dalam Kristus, kita berkhotbah tentang Kristus, kita bernubuat tentang Kristus, dan kita menulis menurut nubuat-nubuat kita, agar anak-anak kita boleh mengetahui pada sumber mana mereka boleh berpaling untuk pengampunan akan dosa-dosa mereka.”<sup>5</sup>

Dunia akan menyebut kita sesukahati mereka, tetapi dalam tutur kata kita marilah kita semua ingat bahawa kita menganggotai Gereja *Yesus Kristus*.

Ada yang menafikan kekristianan kita. Mereka mungkin tidak mengenali kita ataupun mereka salah faham. Tiada kemungkinan lain.

Dalam Gereja, setiap tatacara adalah dilaksanakan dengan hak kuasa dan demi nama Yesus Kristus<sup>6</sup>. Kita mempunyai penyusunan yang sama dengan yang dipunyai Gereja Kuno, termasuk para rasul dan nabi.<sup>7</sup>

Dahulunya, Tuhan mentahbiskan dua belas rasul. Dia dikhianati dan disalibkan. Selepas Kebangkitannya, Juruselamat mengajari muridnya selama empat puluh hari, dan kemudian naik ke syurga.<sup>8</sup>

Akan tetapi, masih ada sesuatu yang kekurangan. Beberapa hari kemudian, Dua Belas berkumpul di dalam sebuah rumah, dan “dengan segera datanglah bunyi dari syurga seperti angin kencang, dan ia memenuhi seluruh rumahnya...lidah api yang terbelah dua, [berehat] di atas setiap orang. Dan mereka dipenuhi dengan Roh Kudus.”<sup>9</sup> Rasulnya sudah dikuasakan. Mereka sudah memahami bahawa hak kuasa yang diberikan oleh Juruselamat dan Kurnia Roh Kudus adalah mustahak untuk menegakkan Gereja. Mereka disuruh supaya membaptiskan dan menganugerahkan kurnia Roh Kudus.<sup>10</sup>

Lama-kelamaan, para Rasul serta imamat yang dipegangnya sudah tidak ada lagi. Hak kuasa untuk menguruskan semestinya dipulihkan. Selama abad-berabad, orang menanti-nantikan pemulihan hak kuasa dan penegakan Gereja Tuhan.

Tahun 1829, imamat dipulihkan kepada Joseph Smith dan Oliver Cowdery oleh Yahya Pembaptis dan Rasul Petrus, Yakobus, dan Yahya. Kini, anggota lelaki Gereja yang layak ditahbiskan ke dalam imamat. Hak kuasa dan kurnia Roh Kudus ini, yang dianugerahkan kepada semua anggota Gereja selepas pembaptisan, memisahkan kita daripada semua gereja lain.

Sebuah wahyu dari masa awal Gereja mengarahkan “agar setiap orang boleh berbicara dalam nama Tuhan, bahkan Juruselamat Dunia.”<sup>11</sup> Pekerjaan dalam Gereja hari ini adalah dilaksanakan oleh orang lelaki dan perempuan yang biasa, yang dipanggil dan disokong untuk memimpin, mengajar, dan menguruskan perkara. Kuasa wahyu dan kurnia Roh Kuduslah cara orang

dibimbing supaya mengetahui kehendak Tuhan. Yang lain mungkin tidak akan menerima barang seperti nubuat, wahyu, dan kurnia Roh Kudus, tetapi jika mereka akan memahami kita walau sedikit pun, mereka sepatutnya memahami bahwa kita menerimanya.

Tuhan mewahyukan kepada Joseph Smith suatu panduan kesihatan, iaitu Kata-kata Bijaksana, lama sebelum bahaya barang yang dilarang itu diketahui umum. Semua diajarkan supaya menghindarkan diri daripada teh, kopi, arak, tembakau, dan, sememangnya, macam-macam dadah dan zat ketagihan, yang sentiasa menghadapi orang muda kita. Mereka yang mamatuhi wahyu ini dijanjikan akan menerima kesihatan, “dan akan menemukan kebijaksanaan dan harta pengetahuan yang besar, bahkan harta yang tersembunyi.”<sup>12</sup>

Dalam sebuah wahyu lagi, nilai moral Tuhan memerintahkan supaya kuasa suci untuk memperanakan hidup dilindungi dan hanya digunakan di antara lelaki dan perempuan, suami dan isteri.<sup>13</sup> Penyalahgunaan kuasa ini hanya dilebihi dalam keparahan oleh penumpahan darah tak bersalah dan penyangkalan Roh Kudus. Jikalau seseorang melanggar hukum, maka ajaran pertaubatan mengajarnya bagaimana memadamkan akibat pelanggarannya.<sup>14</sup>

Setiap orang akan diuji. Mungkin orang berfikir bahawa untuk ditunggalkeluarkan dan tertakluk pada suatu penggodaan adalah tidak adil, tetapi itulah tujuan hidup yang fana ini – untuk diuji. Dan jawapannya sama kepada setiap orang: kita harus, dan kita boleh, menentang segala macam penggodaan.

“Rancangan besar kebahagiaan”<sup>15</sup> terpusat pada hidup keluarga. Suami adalah kepala keluarga dan isteri adalah hati rumah, dan perkahwinan adalah persekutuan yang seimbang. Lelaki Orang Suci Zaman Akhir adalah lelaki keluarga yang bertanggungjawab, dan tekad pada injil. Dia adalah suami dan ayah yang ambil peduli dan setia. Dia menghormati kewanitaan. Isteri menyokong suaminya. Kedua-dua orang tua itu memelihara perkembangan rohani anaknya.

Orang Suci Zaman Akhir diajari supaya berkasih sayang satu kepada yang lain dan untuk mengampuni penyinggungan dengan terus terang.

Hidup saya diubah oleh seorang bapa bangsa. Dia berkahwin dengan pasangannya. Mereka asyik dalam asmara, dan tidak lama lagi isterinya mengandunginya yang pertama.

Pada malam persalinan ada kerumitan. Doktor satu-satunya berada di desa, menjaga yang sakit. Selepas banyak jam persalinan, keadaan bakal ibu menjadi gawat. Akhirnya, doktor ditemui. Dalam kecemasan itu, dia bertindak dengan segera dan tidak lama lagi saat kesusahan nampaknya sudah habis. Akan tetapi, beberapa hari kemudian, ibu yang muda itu mati dijangkiti kesakitan yang sama yang sedang diubati doktor itu di rumah lain.

Dunia lelaki muda itu seolah-olah pecah. Semasa minggu yang panjang berlalu, kedukaannya terus menyakiti hatinya. Dia memikirkan sedikit selain itu, dan dalam kepeghitan dia menjadi menggugat. Kini, dia tentu akan tertekan sampai menuntut kes salah mengubati.

Pada suatu malam, pintu dia diketuk. Seorang gadis kecil berkata dengan sederhana, “Bapa mahu uncle datang. Dia hendak beromong bersama uncle.”

“Bapa” adalah presiden pancang. Nasihat dari pemimpin yang bijak itu cuma “Yahya, jangan fikirannya. Tiada yang kamu dapat lakukan yang akan mengembalikannya. Apa saja yang kamu lakukan hanya akan memburukkannya. Yayha, jangan fikirannya.”

Ini menjadi dugaan kawan saya. Bagaimana tidak fikirannya? Kesalahan yang teruk sudah dilakukan. Dia berjuang supaya mengendalikan diri dan akhirnya memutuskan bahawa di sepatutnya bersifat taat dan mengikuti nasihat presiden pasang yang bijaksana. Dia akan tidak memikirkannya.

Dia meluahkan “Saya sudah menjadi tua sebelum betul-betul memahami dan dapat melihat seorang doktor desa yang miskin – terlalu banyak bekerja dan tak cukup gaji, tergesa-gesa dari pesakit ke pesakit, dengan ubat sedikit, tanpa rumah sakit, dengan beberapa alat saja, berjuang supaya menyelamatkan nyawa, dan kebanyakan masa berjaya. Dia telah datang dalam saat kecemasan, bila dua buah nyawa tergantung pada tindakannya, dan dia bertindak tanpa tundaan. Akhirnya saya faham!” Dia berkata “Kalau tidak meninggalkannya, memang saya akan menjejaskan hidup saya dan hidup orang lain juga.”

Banyak kali dia sudah berterimakasih kepada Tuhan atas pemimpin imamat yang bijaksana yang secara sederhana menasihati, “Yahya, jangan fikirkannya.”

Di sekeliling kita, kita melihat anggota Gereja yang pernah merasa tersinggung. Ada yang tersinggung disebabkan peristiwa sejarah Gereja ataupun pemimpinnya dan menderita sepanjang hayat, tidak dapat melupakan kesilapan orang. Mereka bukan tidak memikirkannya. Mereka terjatuh ke dalam ketidakaktifan.

Sikap itu adalah seperti orang yang dipukul rotan. Tersinggung, dia mengambil rotan itu dan memukul diri sepanjang hayatnya. Betapa dungu! Alangkah sedih! Dendam semacam itu menghukumkan diri. Kalau anda pernah tersinggung, ampunilah, lupakanlah, dan jangan fikirkannya.

Kitab Mormon mempunyai amaran ini: “jika ada kesalahan itu adalah kesilapan manusia; kerananya, janganlah mengecam apa yang dari Tuhan, agar kamu boleh didapati tanpa noda pada kursi penghakiman Kristus.”<sup>16</sup>

Seorang Orang Suci Zaman Akhir adalah individu yang agak luar biasa. Kita sekarang di merata-rata tempat di dunia, 14 juta orang. Ini cuma awalnya. Kita diajari supaya berada di dunia tetapi

bukan menjadi milik dunia.<sup>17</sup> Oleh sebab itu, kita menjalani hidup yang biasa dalam keluarga yang biasa yang tercampur dengan orang ramai.

Kita diajari supaya tidak bohong, tidak mencuri, dan tidak menipu.<sup>18</sup> Kita tidak menggunakan kata carut-marut. Kita bersifat optimis, riang gembira, dan tidak menakuti kehidupan.

Kita sudi “berduka nestapa bersama mereka yang berduka nestapa...dan menghibur mereka yang memerlukan penghiburan, dan untuk berdiri sebagai saksi bagi Tuhan di segala waktu dan dalam segala hal, dan di segala tempat di mana kamu boleh berada.”<sup>19</sup>

Jikalau orang mencari gereja yang memerlukan sedikit saja, ini bukan gerejanya. Tidak senang menjadi Orang Suci Zaman Akhir, tetapi dalam waktu panjang ialah jalan satu-satunya yang benar.

Terlepas dari tentangan, ataupun “peperangan, desas-desus tentang peperangan, dan gempa bumi di berbagai tempat,”<sup>20</sup> tiada kuasa ataupun pengaruh yang akan dapat menghentikan pekerjaan ini. Setiap dari kita boleh dibimbing oleh roh wahyu dengan kurnia roh kudus. “Seperti juga manusia merentangkan lengannya yang rapuh untuk menghentikan Sungai Missouri dalam lintasannya yang ditetapkan, atau untuk membalikkannya ke hulu aliran, seakan-akan untuk merintang Yang Mahakuasa dari mencurahkan pengetahuan dari syurga ke atas kepala para Orang Suci Zaman Akhir.”<sup>21</sup>

[Kesaksian]

#### Catatan

1. David Danielle, Introduction to Tyndale’s New Testament, trans. by William Tyndale [1989], viii.
2. David Danielle, Introduction to Tyndale’s New Testament, ix.



3. 3 Nefi 27:2–5, 7–8.
4. Surat Presidensi Pertama, February 23, 2001.
5. 2 Nefi 25:26.
6. Lihat Musa 5:8; pembaptisan: 2 Nefi 31:12; 11:27; 18:16; memberkati yang sakit: Ajaran dan Perjanjian 42:44; menganugerahkan Roh Kudus: Moroni 2:2; imamat: Moroni 3:1–3; sakramen: Moroni 4:1–3; mukjizat: Ajaran dan Perjanjian 84:66–69.
7. Lihat Pasal-pasal Kepercayaan 1:6.
8. Lihat Kisah Rasul-rasul 1:3–11.
9. Kisah Rasul-rasul 2:2–4.
10. Lihat Kisah Rasul-rasul 2:38.
11. Ajaran dan Perjanjian 1:20.
12. Ajaran dan Perjanjian 89:19.
13. Lihat “Keluarga: Pernyataan kepada Dunia,” *Liahona*, Oct. 2004, 49; *Ensign*, Nov. 1995, 102.
14. Alma 39:4–6.
15. Alma 42:8.
16. Mukasurat Judul Pengantar Kitab Mormon.
17. Lihat Yahya 17:14–19.
18. Lihat Pengeluaran 20:3–17.
19. Mosiah 18:9.
20. Mormon 8:30.
21. Ajaran dan Perjanjian 121:33.